

UCAPAN Y.A.B. TINDALAN PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN, DI UPACARA PENBUKAAN
RASHI KOMPLEKS MENGERING DAN MENSILANG
PADI L.P.N. DI BUKIT BESAR, DAERAH YAN
KEDAH PADA HARI AHAD, 9HB MAC 1975
PADA JAM 9.30 PAGI

Y.B. Encik Mohamed Sepiee,
Pengerusi LPN,

Y.A.B. Dato' Seri Syed Ahmad Shahabudin,
Menteri Besar Kedah dan Toh Puan
Sharifah Hanifah,

Y.A.B. Dato' Haji Jaafar Hassan,
Menteri Besar Perlis, dan Datin
Hajjah Hatun,

Uhif-Uhif yang mulia,

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saudara-saudara sekalian.

Saya sungguh gembira dan bersyukur
pagi ini kerana dapat serta bersama-sama
dalam peristiwa yang penting dalam sejarah
LPN iaitu peresmian Kompleks Mengering dan
Mengilang Fadi yang pertama di Bukit Besar
ini. Kita sedia maklum LPN ialah badan

berkenaan yang diberi tugas istimewa dalam bidang industri yang sangat penting di negara kita dan kompleks ini adalah satu daripada beberapa buah yang diusahakan sendiri oleh LFN.

2. Saya dan isteri saya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga LFN atas jemputan mereka ke majlis ini. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab atas LFN, adalah menjadi hasrat saya untuk mempelajari sedikit sebanyak mengenai pengeringan dan pengilangan padi, dan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Beras dan Barang-barang keperluan, saya sentiasa menerima dan membincangkan masalah-masalahnya, terutama bila menjelang waktu menuai luar awam.

Tuan-tuan dan Tuan-puan sekalian, pada Negeri Kedah telah maju dengan sangat pesat dalam 3. idang. Menurut statistik yang ada, sebanyak 12.5 peratus daripada Negeri Kedah atau dengan seluas 290,000 ekar di tanam dengan padi oleh dan sebahagian besarnya, iaitu 240,000 ekar ditanam dua kali setahun. Ini bermakna dalam beberapa tahun sahaja ini, keluasan tanaman padi di Negeri Kedah telah bertambah sebanyak 83 peratus. Begitu juga nilai pengeluaran padiinya. Dalam tahun 1969 semasa padi ditanamkan satu musim sahaja, Negeri Kedah hanya mengeluarkan 367,000 tan padi. Tetapi pada tahun lepas, pengeluarannya telah meningkat kepada 785,000 tan yang ini memberikan pendapatan kepada sektor perusahaan padi sebanyak \$400 juta berbanding dengan \$99 juta dalam tahun 1969.

..4/

..4/

4. Ini jelas menunjukkan bahawa Negeri Kedah telah maju dengan sangat pesat dalam bidang ekonomi yang berasaskan perusahaan padi dan kemajuan ini terus meningkat dengan bertambahnya kawasan-kawasan padi yang boleh ditanam dua kali setahun.

5. Di samping itu, kemajuan dalam perusahaan beras juga tidak ketinggalan. Dalam tempoh yang sama, Kerajaan melalui LPH telah mendirikan kompleks-kompleks mengering dan mengilang padi yang cukup untuk memastikan bahawa padi basah yang dituai di luar musim itu dapat dikeringkan seberapa segera, dan petani-petani menerima harga yang stabil dan berpatutan.

6. Kita semua tahu padi yang basah jika tidak dikeringkan segera akan tumbuh berkecambah selepas dua hari dan menjadi susut nilainya. Adalah menjadi kewajipan LFN untuk memastikan bahawa petani-petani tidak rugi walaupun dalam musim hujan, dan menerima sekurang-kurangnya Harga Minima Terjamin, atau harga yang ditawarkan oleh LFN bagi musim itu.

7. Pengeluaran padi di negara kita semakin bertambah melalui penanaman dua kali setahun iaitu penambahan hasil tiap-tiap ekar bagi sawah yang ada, dengan adanya jenis-jenis padi baru seperti Sri Malaysia dan juga dengan pembukaan tanah padi baharu. Beberapa kawasan baru sedang atau akan diusahakan iaitu Kawasan Trans-Perak, di-Endau Johor dan di Kempin, Pahang.

oleh itu penyertaan LPN dalam industri padi dan beras tidaklah menyebabkan kekurangan padi bagi pengilang-pengilang swasta yang sedia ada. Bahkan, dengan adanya kilang-kilang padi LPN, peluang-peluang berniaga adalah terbuka luas kepada pemborong-pemborong beras swasta yang baharu muncul terutamanya peniaga-peniaga Bumiputera. Ini adalah sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru yang berasaskan penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi yang sedang berkembang tanpa membawa kerugian kepada mana-mana pihak yang lain. Yang wajar dititikbarkan ialah untuk memastikan stok beras, bukan sahaja untuk keperluan dan dikilang, bahkan juga untuk stokperenti stok kecemasan atau emergency stocks. Dengan ini, tidaklah perlu lagi ..7/ Kerajaan mengadakan perbelanjaan berasingan untuk

Saudara-saudara sekalian,

8. Saya telah diberitahu bahawa Kompleks Kering dan Mengkilang padi LRN yang akan direalisasikan ini adalah di antara yang paling moden di dunia, dibina menurut teknologi termoden - latest technology - dalam industri padi dan beras. Oleh itu adalah dijangka bahawa operational cost akan lebih ekonomik berbanding dengan kompleks-kompleks yang lain.

9. Kompleks ini juga mempunyai silo-silo yang besar tersergam untuk menyimpan padi atau beras, bukan sahaja untuk dikeringkan dan dikilang, bahkan juga untuk simpanan stok kecemasan atau emergency stocks).

Dengan ini, tidaklah perlu lagi bagi Kerajaan mengadakan perbelanjaan berasingan untuk

mandirikan stor-stor beras bagi menampung
stok kecemasan di kawasan utara Semenanjung
Malaysia.

10. Sebelum kompleks sebegini besar
dirancangkan LBN telah membuat kajian yang
mendalam dan rapi dengan bantuan pakar-pakar
dari negara-negara sahabat untuk menentukan
size, keupayaan (capacity) dan bentuk kompleks
yang sesuai dengan keadaan tempatan dan harga
yang paling ekonomik. Kajian ini menunjukkan
bahawa dari segi ekonomi, kewangan,
penyenggaraan dan faedah kepada petani, kompleks
yang disatukan atau integrated complexes yang
besar adalah lebih sesuai dibina dalam kawasan
jelapang padi seperti di Kedah ini.

Saudara-saudara sekalian,

11. Walaupun dengan adanya kompleks-kompleks ini, masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani di negara kita masih banyak yang perlu diatasi. Ramai petani-petani kita masih mengerjakan sawah yang tidak ekonomik, masih ramai lagi daripada mereka yang menyewa tanah dengan sewaan yang tinggi, dan ramai pula yang masih menanam padi sekali setahun.

12. Kajian-kajian menunjukkan iaitu sawah-sawah padi yang dikerjakan oleh petani-petani kita masih lagi terlalu kecil. Purata satu-satu keluarga mengerjakan sawah yang luasnya hanya 3.1 ekar sahaja. Di Kedah dan Perlis, sawah-sawah adalah lebih besar sedikit, iaitu purata 4 ekar.

Tetapi di lain-lain negeri, keluasan sawah purata hanya 1.1 ekar seperti di Negeri Sembilan dan 2.3 ekar di Kelantan, dan 3 ekar di Tanjung Karang/Sabah Bernam. Sawah padi yang tidak ekonomik inilah yang menjadi punca kemiskinan di kalangan petani-petani kita. Kita telah memutuskan keluasan sawah yang ekonomik - economic size of padi farms - ialah sekurang-kurangnya 6 ekar. Tetapi hanya 15 peratus daripada petani-petani di negara kita mengerjakan sawah seluas 6 ekar dan lebih pada masa ini.

13. Dalam melaksanakan dasar Kerajaan hendak meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar, salah satu usaha yang utama ialah memastikan petani-petani mengerjakan sawah yang ekonomik. Langkah-langkah yang

sedang diambil oleh Kerajaan termasuklah
 menggagalkan petani-petani berginiah
 keluar memasuki lapangan baharu seperti
 lapangan perdagangan dan perniagaan,
 ataupun rancangan-rancangan tanah Felda.
 Mereka juga akan dibantu membeli dan
 membesarkan lagi tanah sawah mereka
 supaya menjadi ekonomik holding. Hanya
 dengan adanya sawah-sawah yang ekonomik
 itu maka petani-petani dapat menikmati
 dengan sepenuhnya langkah-langkah Kerajaan
 yang lain untuk menolong mereka, seperti
 Harga Minimum Terjamin (Guaranteed Minimum
 Price), subsidi baja, perantukan talair
 benih yang baik, lain-lain input pengeluaran,
 kemudahan pengeringan dan pemasaran padi
 mereka seperti yang diusahakan oleh LRS
 hari ini.

14. Sekarang dengan harga padi purata \$30.00 sepikul, petani-petani pada keseluruhannya menerima pendapatan yang seimbang dengan nilai tenaga dan titik peluh mereka. Tetapi pada jangka panjang, kita tidak boleh bergantung atas harga padi semata-mata untuk menjamin pendapatan mereka. Seperti juga dengan tanaman-tanaman lain seperti getah, padi dan beras bergantung kepada harga pasaran bebas yang turun naik atau pita fluctuation. Oleh itu untuk jangka panjang, hanya dengan mengadakan economic holding, serta mengambil peluang menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan, maka pendapatan mereka boleh terjamin, di samping menjadikan perusahaan padi satu perusahaan yang viable

dan moden dimana kos pengeluaran setor unit - per unit cost of production - dapat diturunkan sejajar dengan unit kos pengeluaran padi di negara-negara pengeksport.

15. Dasar Kerajaan pada masa ini ialah menjadikan bekalan beras yang cukup bagi keperluan seluruh rakyat negara kita. Seperti yang saya katakan tadi, tanah-tanah baharu yang sesuai untuk padi akan dibuka dalam beberapa tahun ini bagi mencapai tujuan ini. Saya sukacita mendengar rawai pesawah-pesawah dari Perlis akan pindah ke Endau dan Rompin untuk memulakan penghidupan baru disana. Kerajaan akan memberikan perhatian yang berat kepada masalah petani-petani yang tidak mempunyai tanah sawah yang ekonomik, dan kepada petani-petani yang masih menyewa tanah sawah dengan sewaan yang tinggi.

16. Pada masa ini, hampir 50 peratus daripada petani-petani menyewa tanah sawah. Walaupun masalah sewaan ini telah lama diketahui oleh Kerajaan dan langkah-langkah yang berpetutan sudah diambil peraksanaan Akta Penanaman Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) 1967 - Padi Cultivators (Control of Rent and Security) Act 1967 - ini masih belum memuaskan.

17. Satu lagi masalah besar dalam sektor padi ini ialah adanya petani-petani yang masih menanam padi sekali setahun, dan oleh itu tidak akan menerima pendapatan yang sama dengan petani-petani yang menanam dua kali setahun. Pada masa sekarang, 55 peratus daripada tanam padi ditanam dua kali setahun dan ini akan bertambah kepada 70 peratus dalam tahun 1976. Ini bermakna, masih ada sejumlah 300,000 kei arge petani yang menanam padi sekali setahun. Tidaklah mungkin bagi Kerajaan mengadakan kemudahan-

kemudahan tanaman dua kali setahun kepada semua kawasan ini di masa akan datang oleh kerana kebanyakan daripada tanah-tanah bendang ini adalah berjauhan dan berpecah-pecah atau fragmented. Bagi sawah-sawah padi ini, mustahaklah petani-petani mengusahakan tanaman yang lain - alternative use of padi lands - dalam musim kedua seperti menanam jagung, seki, kacang tanah, dan tembakau, ataupun memternak. Usaha-usaha ke arah ini telah dirancangkan di beberapa tempat di bawah rancangan Buku Nijau. Saya berharap lebih ramai lagi petani-petani yang tidak dapat menanam padi dua kali setahun mula menggunakan tanah mereka bagi tanaman-tanaman lain. Tetapi, peranan yang tidak kurang pentingnya mestilah dimainkan.

Juga oleh pertubuhan-pertubuhan Peladang dari segi perkhidmatan tunjuk ajar - extension services - penyeliaan inputs, dan pemasaran hasil tanaman petani-petani itu. Dalam pada itu, dipihak MAROI pula penyiasatan dan penyelidikan akan terus dijalankan seperti pembiakan dan pemilihan jenis-jenis padi baru yang boleh mengeluarkan hasil yang tinggi dalam masa yang singkat. Begitu juga aspek mekanisasi atau penggunaan jentera serta penggunaan baja sedang dikaji untuk menambah lagi pengeluaran padi.

Saudara-saudara sekalian,

17. Kompleks LPM yang tersergam ini merupakan lambang usaha dan keazaman Kerajaan melalui Lembaga ini untuk memastikan bahawa

petani-petani mendapat harga padi yang stabil dan berpatutan; di samping memastikan bahawa pengguna-pengguna mendapat bekalan beras yang cukup dengan harga yang stabil dan berpatutan pula.

10. Usaha-usaha LPM bagi mencapai tujuan tersebut adalah rumit sedikit oleh kerana kepentingan petani-petani dan pengguna-pengguna adalah bertentangan. Petani-petani berkehendakkan harga padi yang seberapa tinggi sedangkan pengguna-pengguna berkehendakkan harga beras yang seberapa murah. Dalam pada itu peniaga-peniaga beras seperti pengilang, pemborong dan peruncit mahukan keuntungan yang lumayan pula.

19. Saya mengetahui secara dekat akan kesukaran yang dihadapi oleh LRT dalam usahanya mengiambangkan kepentingan-kepentingan yang bertentangan- conflict of interests - dalam industri padi dan beras ini. Pertentangan ini menjadi paling hebat sekali di sepanjang tahun 1973 dan sehingga penggal kedua tahun 1974, dimasa berlakunya krisis beras dunia. Kita sudah biasa benar dengan istilah boarding dan profiteering hinggalakan kanak-kanakpun tahu cerita sorok menyorok. Untuk mengatasi masalah-masalahan yang timbul daripada pertentangan kepentingan ini yaitu menyorok beras dan mengambil keuntungan yang berlebihan-lebihan - maka Kerajaan terpaksa mengadakan undang-undang Kawalan Harga Beras mulai bulan Mei tahun lalu. Beras, istilah menyorok dan semacam peranan penting yang dimainkan oleh pihak-pihak

Undang-undang Kawalan Harga Beras ini telah berjalan dengan memuaskan sehingga hari ini. Kita telah berjaya mengstabilkan harga beras di peringkat yang kurang daripada harga maksima di bawah undang-undang itu. Saya rasa sukacita dengan kejayaan LPN mewujudkan sistem pembanagian beras yang cekap, dan dapat menghapuskan menyorok beras dan mengambil keuntungan yang berlebihan di kalangan peniaga-peniaga.

20. Bagaimanapun, pertentangan kepentingan dalam industri padi dan beras ini memang tidak boleh dihapuskan dalam sistem ekonomi bebas yang kita amalkan hari ini. Tetapi setiap pihak yang berkenaan, samada petani, pengilang, pemborong, atau peruncit beras, mestilah menyedari dan memahami peranan penting yang dimainkan oleh pihak-pihak

lain dalam proses ekonomi, dan dengan demikian dapat bertolak ansur di antara satu sama lain. Di sini baharulah kita mengerti bahawa harga beras yang terlalu murah akan mengakibatkan kejatuhan harga padi ke peringkat yang tidak munasabah. Sebaliknya, harga padi yang terlalu tinggi akan menaikkan harga beras ke peringkat harga yang tidak berpatutan kepada pengguna-pengguna dan akan menggalakkan penyeludupan beras ke negara kita dari luar negeri.

Saudara-saudara sekalian,

21. Saya turut sukacita juga bahawa usaha LFN dalam meningkatkan pendapatan petani-petani di Negeri Kedah ini telah juga memberikan manfaat pekerjaan kepada kaum belia di negeri ini. Kebanyakan daripada

pekerjaan yang diwujudkan secara terus (direct employment) oleh LFN itu ialah dalam Kompleks-kompleks Mengering dan Mengilang Padi LFN. Sekarang ini seramai 369 orang pekerja tetap telah diambil untuk kesemua 9 buah kompleks LFN di Kedah, tidak termasuk kompleks Bukit Besar ini dan 4 buah kompleks lagi seumpamanya yang sedang mengambil pekerja-pekerja baharu. Bila pengambilan pekerja-pekerja baharu selesai LFN akan mempunyai kakitangan seramai 756 orang di Negeri Kedah untuk mengendalikan 9 buah kompleks lama dan 5 buah integrated kompleks baharu seperti di Bukit Besar ini. Daripada pekerja-pekerja yang ada, hampir 90 peratus daripada mereka terdiri daripada orang-orang Kedah sendiri; yang baktinya ialah pekerja-pekerja bahagian

Pengurusan dan teknikal yang sukar didapati di Megeri Kedah ini.


22. LFN baharu sahaja berjaya dalam usaha-usahanya mengatasi masalah bekalan dan harga beras yang timbul daripada krisis beras dunia baharu-baharu ini. Krisis ini telah hampir tamat. Bekalan beras di pasaran dunia telah pulih dan boleh didapati sekarang dengan senang dan harganya semakin turun. Dalam masa menempun krisis beras semenjak awal tahun 1973 itu, pegawai-pegawai LFN telah dapat mencari masa untuk merancang dan membina Kompleks-kompleks Mengering dan Mengilang Padi dalam usaha mereka menyelesaikan masalah petani-petani dan pengguna-pengguna beras untuk jangka panjang. Ini adalah suatu

hal yang boleh dibanggakan dan di sini
sukalah saya mengucapkan setinggi-tinggi
tahniah kepada Pengerusi LPN yang lalu
Tan Sri Syed Nasir dan juga Pengerusinya
sekarang Encik Mohamed Sopic, dan semua
pegawai-pegawai LPN di bawah pimpinan Ketua
Pengerahnya, Tuan Haji Mond Noor Hassan,
yang telah bertanggungjawab bukan sahaja
mengatasi krisis beras baharu-baharu ini
dengan berjaya tetapi juga membina 12 buah
Kompleks Mengering dan Mengilang Padi,
termasuk 5 buah di Negeri Kedah, dengan rupa
dan bentuk yang hebat dan impresi seperti
yang kita saksikan di depan kita ini.

Saya suka juga mengucapkan tahniah kepada pakar perunding LPH iaitu Malaysia International Consultants Sdn. Bhd. (MINCO), kepada kontraktornya Syarikat Yeoh Tiong Lay, dan pembekal jenteranya East Asiatic Company, atas usaha mereka dalam bidang masing-masing dan menghargai kerjasama dengan LPH.

25. Dengan nama Allah yang maha murah lagi mengasihiniati saya meresmikan pembukaan Kompleks Mengering dan Mengilang padi LPH di Bukit Besar, Daerah Yan, Kedah Int.

Terima kasih.





No Siri 144
No Penerimaan 6/79